



SIARAN MEDIA

NICTSED 2024: MELAHIRKAN GENERASI CELIK DIGITAL DAN PENERAJU KESELAMATAN SIBER

KUALA LUMPUR, 24 September 2024 - Peringkat Akhir Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan atau NICTSeD (National ICT Security Discourse) merupakan satu pertandingan berkonsepkan wacana melibatkan sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia telah diadakan pada hari ini di Angkasapuri, RTM, Kuala Lumpur.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif jangkauan luar (outreach) CyberSecurity Malaysia melalui kerjasama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), serta disokong oleh Kementerian Digital (KD). Pada tahun ini, CelcomDigi merupakan penaja utama NICTSeD 2024.

NICTSeD yang menyasarkan murid Tingkatan 1 hingga 5 dari seluruh Malaysia ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan pemikiran kritis serta kreatif mengenai isu-isu keselamatan siber, penggunaan Internet, dan teknologi semasa. Di samping itu, ia juga memberi pendedahan kepada komuniti sekolah, pelajar dan guru untuk menjadi pengguna internet yang bijak dan berilmu, sekaligus membantu mereka mengenalpasti serta berupaya mengatasi cabaran dan risiko yang dihadapi semasa melayari Internet.

Selaras dengan Dasar Pendidikan Malaysia 2013-2025, NICTSeD merupakan satu inisiatif tahunan yang diselenggarakan oleh CyberSecurity Malaysia melalui program 'CyberSAFE® in School' bagi menyokong Dasar Pendidikan Digital negara. Pada tahun ini, NICTSeD memasuki ulang tahun ke-11 penganjurannya.

Peringkat Octo-Final NICTSeD 2024 telah berlangsung secara maya dari 19 hingga 21 Ogos 2024 dengan penglibatan 81 buah sekolah, termasuk peringkat Suku Akhir yang menyaksikan 27 sekolah berentap, juga secara maya. Sembilan sekolah berjaya mara ke peringkat Separuh Akhir pada 4 September 2024 dan telah bertanding secara hibrid yang diadakan di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) Terengganu, untuk melayakkan mereka ke Peringkat Akhir. Buat kali pertama juga dalam sejarah penganjuran NICTSeD, sekolah-sekolah MRSM turut menyertai pertandingan pada tahun ini.

Hari ini, tiga pasukan terbaik bersaing dalam Peringkat Akhir NICTSeD, di mana Sekolah SMK Alor Akar, Pahang dinobatkan sebagai juara. Sekolah SMK Tinggi Batu Pahat, Johor meraih tempat kedua, manakala Sekolah MRSM Tun Ghafar Baba di tempat ketiga.

Hadiah-hadiah bagi NICTSeD 2024 adalah seperti berikut: Juara menerima Piala Pusingan, wang tunai sebanyak RM5,000.00, dan Sijil Penyertaan. Naib Juara dianugerahkan wang tunai sebanyak RM3,000.00 beserta Sijil Penyertaan, manakala pemenang tempat ketiga memperoleh wang tunai sebanyak RM1,500.00 dan Sijil Penyertaan. Selain itu, anugerah Pembentang Terbaik menerima wang tunai sebanyak RM1,000.00, dan Slaid Pembentangan Terbaik dianugerahkan wang tunai sebanyak RM500.00.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Pemasaran & Komunikasi Korporat

CyberSecurity Malaysia

media@cybersecurity.my